

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini penerima bantuan JKM di Malaysia di Negeri Kedah umumnya Daerah Sik khususnya serta langkah semakan untuk kenaikan sumbangan bantuan setiap kategori.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan statistik jabatan, jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari Januari hingga Jun 2020 ialah seramai 489,773 penerima di seluruh negara dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM899 juta. Manakala penerima bantuan JKM bagi negeri Kedah adalah seramai 42,221 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM80 juta. Manakala bagi Daerah Sik khususnya penerima bantuan adalah seramai 3,366 penerima dengan peruntukan sebanyak RM11.7 juta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyemak kadar bantuan mengikut skim bagi memastikan kadar bantuan yang diterima adalah bersesuaian dari semasa ke semasa. Kenaikan kadar bantuan yang terakhir adalah pada bulan Januari tahun 2018 melibatkan skim berikut:

## **SOALAN NO : 11**

Bantuan Orang Tua (BOT) sebelum ini adalah RM300 sebulan telah dinaikkan kepada RM350 sebulan.

Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebelum ini adalah RM350 sebulan telah dinaikkan kepada RM400 sebulan.

Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebelum ini adalah RM200 sebulan telah dinaikkan kepada RM250 sebulan.

Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) sebelum ini adalah RM300 sebulan telah dinaikkan kepada RM350 sebulan.

KPWKM melalui JKM telah menyediakan bantuan kewangan kebijikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana, bantuan kebijikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.